PENANG

1 - 15 JANUARI, 2024

PERCUMA

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Usaha martabat pembangunan

# SYIAR ISLAM TERUS DIPERKASA

**BAJET 2024**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



**KETUA Menteri bersama-sama barisan Exco dan *Ex-Officio* Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri menunjukkan salinan buku Belanjawan 2024 sejurus pembentangannya di DUN di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM21.48 juta untuk kegunaan Maksud Pembangunan di bawah P.13 – Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP).

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, daripada jumlah itu, sebanyak RM10.18 juta telah diluluskan untuk tujuan membina, menambah baik dan mengubah suai masjid serta surau di Pulau Pinang.

"Antara komitmen Kerajaan Negeri adalah menjalankan projek bagi kerja-kerja membina semula bangunan Masjid Papan, Kampung Pertama, Seberang Perai Tengah; projek meroboh dan membina semula Masjid Jamek, Nurul Hidayah Sungai Lokan, Seberang Perai Utara dan kerja-kerja pembaikan pendawaian sistem elektrik Masjid Abdullah Fahim, Seberang Perai Utara.

"Projek masjid yang telah siap dibina pada tahun 2023 adalah seperti Masjid Jamek Sungai Puyu di Butterworth; Masjid Sungai Nibong Besar di Bayan Lepas; Masjid Taman Pelangi di Perai dan Masjid Jamek Perai dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM7.5 juta daripada Kerajaan Negeri.

"Peruntukan RM10.18 juta yang diluluskan bagi tahun 2024 ini turut merangkumi RM2 juta bagi menaik taraf masjid-masjid dan surau-surau uzur di seluruh Pulau Pinang yang mana usaha ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memartabatkan syiar Islam di negeri ini," ujarnya semasa Pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Pembangunan 2024 di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini 24 November lalu.

Mengulas lanjut, maklum Kon Yeow, usaha memartabatkan syiar Islam dan pembangunan umatnya terus diperkasakan melalui JHEAIPP dengan penganjuran pelbagai majlis rasmi lain pada peringkat negeri seperti sambutan Maal Hijrah, Maulidur Rasul dan Festival Nasyid dengan peruntukan yang disalurkan Kerajaan Negeri berjumlah RM718,250.

"Kerajaan Negeri juga telah menjenamakan semula 'Gagasan Khaira Ummah 2030' yang seiring dengan gagasan Visi Penang2030.

"Selaras dengan penjenamaan ini, Pusat Kajian Pemikiran dan Ketamadunan Islam Negeri Pulau Pinang, *Al-Hady Centre* (AHC) telah diilhamkan dan berfungsi sebagai pusat yang bertanggungjawab dalam mengintegrasikan pemikiran dan ketamadunan bagi tujuan penyelidikan dalam bidang Politik, Ekonomi, Sosial dan Sains & Teknologi (PEST) berdasarkan perspektif Islam.

"Tidak ketinggalan inisiatif mengembangkan pendidikan di sekolah-sekolah Islam yang merangkumi Sekolah Agama Rakyat (SAR), Kelas KAFA, Maahad Tahfiz, Pusat Tahfiz, Sekolah Rendah dan Menengah Tahfiz, pondok-pondok pengajian tradisional serta Sekolah Rendah dan Menengah Agama Rakyat di seluruh negeri Pulau Pinang turut diberi perhatian melibatkan siling peruntukan RM9.36 juta tidak termasuk RM1 juta memperbaiki sekolah uzur," ujarnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

# TYT mohon Pusat biayai projek infrastruktur tangani trafik sesak




**RAKAMAN gambar Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang bersama-sama TYT.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) PULAU PINANG KE-15**

**GEORGE TOWN -** Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak memohon Kerajaan Persekutuan mempertimbang peruntukan pembangunan yang lebih tinggi untuk membiayai projek penyuraian trafik sesak di negeri ini.

Beliau melafazkan permohonan tersebut semasa berucap sempena Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 17 November 2023.

"Saya memohon supaya Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan peruntukan pembangunan yang lebih tinggi untuk negeri Pulau Pinang, antaranya bagi membiayai projek-projek menangani isu kesesakan trafik ke Sungai Dua, Lebuhraya Utara-Selatan dan kawasan sekitar di Seberang Perai, Pulau Pinang.

"Sekiranya aliran trafik di Seberang Perai ini tidak diatasi dengan segera, ia sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada pembangunan sosioekonomi di negeri ini," jelasnya.

Menurut beliau, permohonan pembiayaan Persekutuan itu adalah wajar memandangkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendedahkan sebanyak RM295 bilion eksport negara adalah melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Pelabuhan Pulau Pinang (RM56 bilion).

Di samping itu, Tun Ahmad Fuzi turut memohon Kerajaan Persekutuan memberi keutamaan kepada Pulau Pinang bagi tujuan memenuhi keperluan penjagaan kesihatan warga emas di negeri ini.

"Ini, adalah sejajar dengan laporan daripada Projek Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang meramalkan bahawa menjelang 2040, Pulau Pinang akan mempunyai populasi penuaan tertinggi di Malaysia.

"Inisiatif-inisiatif seperti saringan kesihatan warga emas, klinik warga emas dan sebagainya boleh diperkasa demi memfokuskan kepada kehidupan dan kesihatan yang berkualiti serta berupaya mempromosi penuaan sihat dalam kalangan warga emas di negeri ini," ujarnya.

Selain itu, beliau turut memuji pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow atas kejayaan mengurangkan hutang terkumpul Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan di samping tidak menjana hutang baharu.

"Prestasi kewangan Kerajaan Negeri kekal teguh, dengan baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun semasa berjumlah RM1.859 bilion.

"Hutang awam Kerajaan Negeri yang terdiri daripada hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan menunjukkan baki berjumlah RM41.11 juta pada akhir tahun 2022 berbanding RM45.41 juta pada tahun 2021, iaitu menurun sebanyak RM4.30 juta) atau 9.5 peratus.

"Kecemerlangan ini terus diukir dengan tiada rekod pinjaman baharu oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang daripada Kerajaan Persekutuan yang dibuat sejak tahun 2016," ulasnya.

# DUN Pulau Pinang terima usul solidariti rakyat Palestin tanpa bahas

**GEORGE TOWN -** Sekalian anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 24 November lalu menerima usul solidariti terhadap rakyat Palestin atas kekejaman dan kezaliman Zionis-Israel.

Semasa membentangkan usul tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata ia adalah berdasarkan Peraturan 34 (viii) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Menurut Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi itu lagi, usul yang dibentangkan itu adalah selari dengan ucapan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak sempena Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 17 November lepas.

Speaker Dewan, Dato' Law Choo Kiang memutuskan bahawa usul tersebut diterima tanpa bahas susulan semua ADUN bangun menyatakan sokongan pada usul tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid semasa membuat ucapan penggulangan (23 November 2023) antara lain turut menyatakan bahawa Kerajaan Perpaduan Negeri Pulau Pinang turut mengecam segala bentuk tindakan tidak berperikemanusiaan dan jenayah perang yang dilakukan oleh rejim Zionis Israel terhadap masyarakat awam Palestin.

Sebagai tanda solidariti, Mohamad yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada 13 Oktober lepas telahpun melancarkan Tabung Bantuan Kemanusiaan Palestin, di samping mengarahkan seluruh masjid di negeri ini untuk mengadakan solat hajat dan bacaan Qunut Nazilah setiap Jumaat.

Tidak setakat itu sahaja, Mohamad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung berkata bahawa Himpunan Aman Solidariti Rakyat Palestin turut diadakan sesuai Solat Jumaat di Masjid Jamek Simpang Tiga dekat Tasek Gelugor dengan kehadiran Tun Ahmad Fuzi sendiri.

Tambah beliau, Himpunan Kasih Gaza turut diadakan di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah pada 29 Oktober lepas sebagai tanda solidariti terhadap rakyat Palestin.

Lebih penting, menurut beliau, Kerajaan Negeri Perpaduan Pulau Pinang menyumbang RM50,000 bantuan kemanusiaan rakyat Palestin susulan keputusan Mesyuarat Exco yang dipengerusikan sendiri oleh Kon Yeow sendiri.

"Sejumlah RM 1,223,516.28 juta telah berjaya dikumpul melalui sumbangan termasuk daripada dari MAINPP, ahli-ahli korporat, kakitangan kerajaan serta swasta dan orang ramai telah diserahkan kepada pihak Palestinian Cultural Organization Malaysia (PCOM) yang diwakili oleh Tuan Badereddin Seyam selaku Pengerusi PCOM pada 10 November lalu," ujarnya.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Komited jana sumber pendapatan baharu

**Oleh : SUNARTI YUSOFF**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) PULAU PINANG KE-15

**GEORGE TOWN** – Sumber pendapatan baharu merupakan antara salah satu daripada lapan bidang keutamaan yang bakal diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk tempoh lima tahun akan datang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri komited dan serius dalam usaha mempelopori penjanaan pendapatan baharu menerusi pelbagai sumber demi memacu pembangunan negeri secara menyeluruh.

Beliau berkata, antara usaha diambil adalah melalui inisiatif syarikat minyak dan gas multinasional negara yang sedang menjalankan kaji selidik seismik 2D berbilang pelanggan luar pesisir baharu di kawasan utara Selat Melaka.

“Kaji selidik ini adalah untuk mengeksplorasi dan pemetaan hidrokarbon seismik membabitkan sumber minyak serta gas berkualiti tinggi yang kini sedang dijalankan di perairan Pulau Pinang dan dijangka selesai pada penghujung tahun ini.

“Saya dimaklumkan bahawa syarikat minyak dan gas multinasional negara yang merupakan pihak yang menjalankan kajian berkaitan akan membentangkan hasil penemuan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pulau Pinang kelak,” katanya semasa membentangkan Belanjawan 2024 pada Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 dekat sini 24 November lalu.

Selain itu, menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri turut mencari pendekatan untuk beralih kepada Peralihan Tenaga Boleh Baharu (TBB) selaras dengan usaha dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan kini.

“Walaupun sistem bekalan elektrik semasa yakni sistem grid mendominasi secara keseluruhan membabitkan pelbagai sektor, namun sumber baharu seperti solar fotovoltan, hidrogen serta beberapa sumber bekalan tenaga ke arah mencapai tenaga hijau turut berada dalam perancangan.

“Malah, Kerajaan Negeri juga merancang untuk membina ladang solar, solar terapung dan solar atas bumbung di lokasi-lokasi strategik pada tempoh tahun 2024 sehingga 2030 bagi mengurangkan pelepasan karbon dioksida selain menggunakan pendekatan TBB membabitkan lokasi-lokasi industri padat.

“Bagi premis kerajaan, pelaksanaan pemasangan solar atas bumbung juga bakal dilaksanakan pada tempoh sama dengan sasaran penjimatan 30 hingga 40 peratus bil elektrik berbanding kini,” katanya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa dalam bidang hartanah, sains dan teknologi pula, syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) adalah digalakkan untuk terus menerokai sumber-sumber baharu.

“Penekanan ini tertumpu dengan meningkatkan *‘capacity building’* dalam kalangan pegawai-pegawai dilatih supaya dalam tempoh tahun kemudian, sektor berkenaan dapat membawa peningkatan pulangan demi merealisasikan gagasan Visi Penang2030,” ulasnya.

Sebelum itu, Kon Yeow memaklumkan bahawa Belanjawan Pulau Pinang 2024 memperuntukkan sejumlah RM1.047 bilion bagi perbelanjaan mengurus iaitu meningkat sebanyak RM58.13 juta berbanding tahun 2023.

Katanya, peningkatan Perbelanjaan Mengurus antara lain disebabkan oleh komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam mempergiat program-program yang berorientasikan rakyat, selain mengimbangi keperluan projek-projek pembangunan negeri.

“Walau bagaimanapun, peningkatan belanja mengurus ini adalah pada tahap terkawal selaras dengan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal dan menerapkan disiplin dalam perbelanjaan secara berhemat.

“Buktinya, sehingga 15 November 2023, perbelanjaan mengurus sebenar adalah sebanyak RM709.20 juta dan dijangka jauh berkurang berbanding unjuran perbelanjaan mengurus tahun semasa berjumlah RM989.47 juta,” jelas beliau.

Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri menganggarkan hasil yang boleh dikutip pada tahun 2024 adalah berjumlah RM533,077,255, bertambah sebanyak RM10.73 juta (2.05 peratus) berbanding anggaran hasil tahun semasa 2023 berjumlah RM522.35 juta.

“Komposisi hasil tahun 2024 terdiri daripada hasil cukai RM167.91 juta (31.50 peratus), hasil bukan cukai RM277.92 juta (52.13 peratus) dan terimaan bukan hasil sebanyak RM87.24 juta (16.37 peratus).

“Peningkatan utama hasil sebanyak RM10.73 juta yang dijangkakan pada tahun 2024 adalah disebabkan oleh peningkatan unjuran hasil cukai, terutama cukai langsung dan juga hasil bukan cukai.

Menurut Kon Yeow, bajet kali ini menyaksikan defisit sebanyak RM514.53 juta berbanding jangkaan hasil tahun 2024 iaitu bertambah sebanyak RM47.41 juta berbanding defisit tahun 2023 berjumlah RM467.12 juta.

“Namun mengambil kira janji Kerajaan Negeri yang akan sentiasa berusaha dan berikhtiar untuk melonjakkan pembangunan negeri di samping memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa dipelihara, maka bajet berdefisit perlu dilaksanakan.

“Anggaran defisit atau kekurangan RM514.53 juta yang dijangka dalam bajet 2024 akan dibiayai daripada rizab Kerajaan Negeri, termasuk Akaun Amanah Disatukan yang berbaki RM1.67 bilion pada 15 November 2023,” katanya.

Sementara itu, Kon Yeow menyatakan bahawa bajet bagi tujuan pembangunan pula adalah berjumlah RM374.72 juta yang disalurkan melalui sembilan jabatan negeri.

“Sumber bagi Perbelanjaan Pembangunan adalah melibatkan punca negeri berjumlah RM353.12 juta dan pemberian Kerajaan Persekutuan yang dianggarkan sebanyak RM21.60 juta.

“Bajet pembangunan tahun 2024 meningkat sebanyak RM47.96 juta atau 14.68 peratus berbanding tahun 2023 berjumlah RM326.76 juta.

“Peruntukan tertinggi adalah sebanyak RM197.76 juta merangkumi projek Gurney Bay (RM80 juta), Pembangunan Sukan dan Kawasan Lapang (RM15.3 juta), PTMP (RM21.23 juta), Pembangunan Rancangan Perumahan Murah (RM6 juta), Projek Khas Ekonomi (RM15.05 juta) dan lain-lain projek pembangunan,” katanya.



KETUA Menteri menunjukkan laporan media arus perdana berhubung kajian eksplorasi dan pemetaan hidrokarbon seismik membabitkan sumber minyak serta gas yang sedang dijalankan di perairan Pulau Pinang.

## Kerajaan Negeri tiada hasrat jual pegangan saham hadapi kekangan kewangan semasa

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya tiada hasrat untuk menjual pegangan-pegangan saham dalam pasaran kewangan negara sedia ada memandangkan ia masih membawa pulangan dividen kira-kira RM50 juta setahun.

Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkata demikian dalam Sesi Penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 sebagai menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung dan ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong di sini pada 30 November 2023.

"Pelaburan (dalam pasaran kewangan) ini membawa pulangan dividen setiap tahun, maka kita (Kerajaan Negeri) tidak bercadang untuk menjual supaya kita dapat nilai jualan RM362,855,907.82," katanya.

Sebelum itu, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri memang mempunyai pegangan saham dalam beberapa syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia iaitu Petronas Dagangan Bhd., Tenaga Nasional Bhd., Telekom Malaysia Bhd., Axiata Bhd., Malaysia Airport Holdings Bhd., PBA Holdings Bhd dan Maxis Bhd..

Menurut beliau, nilai kos saham-saham tersebut adalah sebanyak RM233,964,073.19, pada 29 November lepas bernilai RM362,855,907.82 dengan lebihan keuntungan sebanyak berjumlah RM128,891,834.63.

"Sekiranya saham-saham tersebut dijual mengikut harga pasaran semasa, Kerajaan Negeri akan memperoleh lebihan atau lebihan keuntungan berjumlah RM128,891,834.63," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan sambil menyatakan bahawa pentadbirannya tidak berhasrat berbuat demikian lagi ketika ini.

Mengambil kira kekangan hasil pendapatan berbanding perbelanjaan defisit yang terpaksa dibuat, Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya melalui Jabatan Kewangan Negeri sentiasa mengkaji peluang untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan dalam pasaran kewangan termasuk simpanan tetap serta lain-lain instrumen kewangan yang bersesuaian.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam usaha untuk meningkatkan dan menambah baik sumber pendapatan negeri," ulasnya.

# Bajet 2024: RM13.62 juta jamin keselamatan makanan

**BAJET 2024**

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kira-kira RM13.62 juta diperuntukan oleh Kerajaan Negeri melalui Belanjawan Pulau Pinang 2024 bagi memastikan rakyat negeri ini mendapat bekalan bahan makanan mencukupi, tersedia dan selamat dimakan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan kualiti produk melalui program pengembangan serta projek pembangunan pertanian.

"Walaupun begitu, momentum pertumbuhan sektor pertanian bergantung kepada beberapa faktor seperti sosioekonomi dan perkembangan teknologi pertanian.

"Pada tahun ini, Jabatan Pertanian Negeri telah menerima peruntukan pembangunan sektor agromakanan berjumlah RM6.92 juta daripada Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan 16 projek serta program pembangunan pertanian.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 14 program telah memberi manfaat secara langsung kepada kumpulan sasar seperti

> **Pada tahun ini, Jabatan Pertanian Negeri telah menerima peruntukan pembangunan sektor agromakanan berjumlah RM6.92 juta daripada Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan 16 projek serta program pembangunan pertanian."**
>
> **- Chow Kon Yeow**

para petani, usahawan industri asas tani dan belia tani manakala selebihnya adalah untuk membaik pulih dan menaik taraf infrastruktur pengoperasian jabatan.

"Justeru, bagi tahun 2024, Jabatan Pertanian Negeri akan menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM6.93 juta bagi meneruskan projek-projek ini," katanya semasa membentangkan Belanjawan 2024 pada Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 dekat sini 24 November lalu.

Kon Yeow menyatakan bahawa melalui inisiatif dan peruntukan yang diberikan pada tahun-tahun sebelum ini, Pulau Pinang telah merekodkan hasil purata pengeluaran padi tertinggi dalam negara selama enam tahun berturut-turut, sejak 2018 sehingga 2023.

"Meskipun berhadapan dengan pelbagai isu seperti masalah tanah jerlus, kekurangan tanah pertanian, kenaikan harga benih padi dan serangan serangga perosak, pencapaian tahap sara diri (SSL) bagi padi di Pulau Pinang masih berjaya dikekalkan pada paras lebih 60 peratus.

"Pada tahun 2021, tahap SSL bagi padi telah dicatatkan pada 63.71 peratus manakala tahun 2022 (61.56 peratus)," ujarnya lanjut.

Selain sektor perkatanian, Kon Yeow menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menekankan pembangunan sektor ternakan melibatkan komoditi ternakan utama serta industri hiliran berasaskan ternakan.

Justeru kata beliau, sebanyak RM4.6 juta akan diperuntukkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) pada tahun 2024 untuk melaksanakan projek-projek pembangunan pengeluaran ternakan demi membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi di negeri ini.

Tambah Kon Yeow, sebanyak tiga komoditi penternakan mencatatkan kadar sara diri (SSR) melebihi 100 peratus bagi tahun 2021 dan 2022 meliputi ayam, itik dan babi.

"Pengeluaran ayam dan itik pada tahun 2021 adalah sebanyak 76,553.94 tan metrik iaitu SSR sebanyak 113.27 peratus, meningkat kepada 93,921.02 tan metrik (139.11 peratus) SSR pada tahun 2022.

"Bagi aspek pengeluaran ladang, Nilai Hasil Ternakan (NHT) mengekalkan perolehan melebihi RM900 juta setiap tahun sejak 2018 dan pada tahun 2022 pula mencatat RM1.99 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM459.77 juta berbanding 2021 (RM1.53 bilion)," ujarnya.

Jelas Kon Yeow lagi, Kerajaan Negeri juga meneruskan Program Bantuan Pukat dengan pemberian bantuan pukat sebanyak RM400 secara sekali bayar kepada 4,037 nelayan membabitkan kos sebanyak RM1.6 juta.

"Jumlah ini adalah merangkumi seramai 3,710 nelayan laut dan 327 nelayan sungai yang berlesen dan berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang," katanya.

## RM1.39 juta kos naik taraf kemudahan Taman Negeri Bukit Panchor

**GEORGE TOWN -** Sejak tahun 2019 hingga kini, Jabatan Perhutanan Negeri telah menerima peruntukan sebanyak RM1.39 juta untuk kerja-kerja menaik taraf kemudahan awam di Taman Negeri Bukit Panchor dekat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai berkata bahawa sepanjang tahun 2021 hingga 2022, sebanyak 61 program telah dianjurkan di kawasan rekreasi ekopelancongan tersebut dengan melibatkan sekolah-sekolah, jabatan kerajaan, perseorangan, badan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat swasta.

"(Sepanjang tahun 2021 hingga 2022) penyertaan peserta adalah seramai 5,067 orang.

"Ini menunjukkan taman ini menjadi pilihan orang ramai susulan infrastruktur dan kemudahan serta modul pembelajaran yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong semasa sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal



WONG Hon Wai.

Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 29 November 2023.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut menjelaskan beberapa usaha lain yang dilakukan melalui Jabatan Perhutanan Negeri dengan menaik taraf kemudahan di taman-taman rimba lain bagi mewujudkan produk tarikan baharu negeri, sebagai menjawab perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Sungai Bakap, Nor Zamri Latiff.

## Kompleks Hutan Simpan Paya Laut Penaga

### akan dicalonkan sebagai '*Flyway Site Network*' EAAFP

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Perhutanan Negeri sedang dalam rangka untuk mencalonkan Kompleks Hutan Simpan Paya Laut dekat pesisir pantai Penaga sehingga ke Teluk Air Tawar sebagai kawasan '*Flyway Site Network*' atau sebuah tapak persinggahan burung-burung pantai hijrah di bawah forum *East Asian-Australasian Flyway Partnership* (EAAFP).

Semasa membentangkan Bajet 2024 Negeri, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sekiranya berjaya, Pulau Pinang bakal mempunyai sebuah kawasan '*Flyway Site Network*' pertama di Semenanjung Malaysia dan kedua dalam negara selepas *Bako-Buntal Bay Flyway Site Network* di negeri Sarawak.

"Usaha melestarikan khazanah ini akan mampu mewujudkan sebuah destinasi ekopelancongan yang baharu di negeri ini di samping membuka ruang serta peluang ekonomi baharu kepada warga komuniti dan masyarakat di sekitar kawasan tersebut," jelasnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini pada 24 November 2023.

Selain itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi memberitahu bahawa kawasan Beting Tengah *(Middle Bank)* di Pulau Pinang merupakan satu kawasan yang sangat kaya dengan biodiversiti marin.

Kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan itu lagi, Pulau Gazumbo dekat Selat Melaka yang menjadi taburan rumput laut luas dengan pelbagai spesies.

"(Di kawasan-kawasan berkenaan) terdapat pelbagai jenis ikan, kerang, ketam dan makanan laut lain yang menjadi sumber makanan kepada masyarakat di kawasan tersebut.

"Menyedari ancaman serta kepentingan kawasan ini daripada aspek ekonomi dan estetika bagi negeri ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencadangkan agar kawasan *Middle Bank* ini dilindungi dan dijenamakan sebagai Santuari Marin Middle Bank, malah, kejayaan pewartaan *Middle Bank* kini dalam cadangan untuk diwartakan bagi melindungi spesies yang terdapat di kawasan tersebut.

"Sekiranya berjaya diwartakan, ini akan menjadikan Pulau Pinang satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai santuari marinnya sendiri," ujarnya.

# Tadbir urus cekap dorong prestasi kutipan zakat meningkat setiap tahun

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) PULAU PINANG KE-15**

**GEORGE TOWN –** Prestasi kutipan zakat oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) menunjukkan trend meningkat setiap tahun sejak 2008.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa peningkatan tersebut didorong oleh tadbir urus yang cekap dan pembangunan ekonomi yang mampan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

"Malahan, data telah menunjukkan sejak Kerajaan Negeri diambil alih pada 2008 oleh Pakatan Rakyat, prestasi kutipan zakat melonjak naik dari tahun ke tahun.

"Data menunjukkan bahawa kutipan zakat pada tahun 2008 adalah sebanyak RM42 juta dan melonjak kepada RM76.5 juta (2019), mencapai hampir 50 peratus," katanya pada sesi penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini 23 November 2023.

Mohamad berkata, prestasi kutipan zakat pada tahun 2022 pula adalah sebanyak RM150.5 juta berbanding RM147.7 juta (2021).

"Selain itu, prestasi pembayar zakat harta pada tahun 2022 turut mencatatkan peningkatan sebanyak 77,895 orang berbanding 75,746 orang (2021).

"Kejayaan ZPP menguruskan kutipan dan agihan zakat di Pulau Pinang merupakan manifestasi profesionalisme agensi di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk memberi manfaat kepada ummah," katanya yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan & Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat.

Selaras dengan Visi Penang2030 kata Mohamad, ZPP telah melaksanakan agenda pendigitalan dalam usaha mengungguli dan mewujudkan keseimbangan sosioekonomi ummah melalui sistem pengurusan zakat yang profesional dan berteknologi.

"Beberapa inisiatif strategik telah dibangunkan oleh ZPP bagi menggerakkan inovasi dalam operasi kutipan dan agihan zakat seperti portal *zakatpenang2u.com* dan aplikasi MaiZAKAT.

"Kedua-dua inisiatif ini telah memacu kutipan zakat secara optimum dan permohonan agihan zakat yang lebih efisien," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Mohamad dalam pada itu, turut menyatakan bahawa Wakaf Pulau Pinang (WPP) merupakan sebuah lagi agensi penuh milik MAINPP yang mencatatkan prestasi memberangsangkan.


DR. Mohamad Abdul Hamid.

"WPP mencatatkan kutipan wakaf tunai tertinggi pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM3,510,033.75 berbanding RM 329,725.00. 31 (2019).

"Selain itu, pembangunan hartanah wakaf di Pulau Pinang mempunyai beberapa lokasi seperti Wakaf Alimsah Walley Lebuh Chulia, Wakaf Kapitan Keling Lebuh Buckingham, Wakaf Setee Aisah Seberang Jaya.

"Pangsapuri Wakaf An Nur Teluk Air Tawar, Pangsapuri Wakaf Siti Hajah Norijah Sungai Nibong dan Pangsapuri Wakaf Mohamed Hashim Seberang Jaya juga antara hartanah yang dibangunkan WPP," ujarnya.

# Kaveat tiga lot tanah milik 1MDB hingga kini, respons Ketua Menteri

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa tiga lot tanah milik 1 Malaysian Development Berhad (1MDB) di GRN4661, GRN53264 Mukim 13 Daerah Timur Laut dan Bandar Ayer Itam (GRN43187) telah dikaveat sejak 11 Julai 2018 hingga kini.

Menurut Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi itu lagi, langkah kaveat itu hanya menghalang proses urus niaga tanah tersebut sahaja serta tidak menghalang rancangan pembangunan di situ jika mendapat kelulusan Kebenaran Merancang berwajib.

"Ketiga-tiga hak milik didaftarkan atas nama 1MDB RE (Air Itam) Sdn. Bhd. yang ditukar nama kepada Ayer Itam Properties Sdn. Bhd. pada 17 April 2018.

"Tanah 1MDB yang dimaksudkan di Air Itam tersebut adalah di bawah kategori 'First Grade'," jelasnya semasa Sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 30 November 2023.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan turut memberitahu bahawa terdapat notis penyitaan dan kaveat pendaftar yang didaftarkan pada ketiga-tiga tanah tersebut, atas permintaan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Kon Yeow memberi penjelasan itu sebagai menjawab perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon.

# Selenggara skim perumahan, RM350.9 juta dibelanjakan sejak 2008

**GEORGE TOWN -** Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo memberitahu sejak tahun 2008 hingga kini sejumlah 36,172 kerja-kerja penyelenggaraan skim perumahan berstrata telah dilaksanakan di Pulau Pinang, dengan melibatkan kos sebanyak RM350.9 juta.

Mengikut pecahan, beliau berkata sebanyak 25,346 kerja penyelenggaraan skim perumahan awam telah dilaksanakan dengan melibatkan perbelanjaan RM243,113,635.04.

Kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai itu lagi, kira-kira RM32,033,227.16 telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 9,738 kerja projek penyelenggaraan Perumahan di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) manakala RM6,163,183.58 untuk penyelenggaraan 346 projek penyelenggaraan Perumahan di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Melalui Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang (TPM80PP), Sundarajoo memberitahu bahawa sejumlah RM69,648,517.19 telahpun dibelanjakan bagi pelaksanaan projek penyelenggaraan skim perumahan berkaitan.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan lisan ADUN Batu Uban, A. Kumaresan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 23 November 2023.



S. Sundarajoo.

# Nilai maksimum projek bina baru rumah rakyat miskin dinaikkan kepada RM75,000 - Exco

**GEORGE TOWN -** Nilai maksimum projek pembinaan rumah baru rakyat miskin di negeri Pulau Pinang dinaikkan daripada RM56,000 kepada RM75,000, berkuat kuasa pada tahun 2023.

Mengulas lanjut, Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Rashidi Zinol memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Perpaduan Pulau Pinang pada tahun ini memperuntukkan sebanyak RM3.1 juta bagi meneruskan kesinambungan program tersebut.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh memberitahu bahawa sehingga kini, seramai 42 penerima telah menerima manfaat daripada program tersebut dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM2.23 juta.

"Dengan jumlah perbelanjaan RM2.23 juta, 22 penerima bagi (projek) Bina Baru Rumah dan 20 buah rumah yang dibaik pulih di bawah peruntukan Kerajaan Negeri," jelasnya semasa Sesi Penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-15 di sini pada 29 November 2023.


RASHIDI Zinol.

Dalam perkembangan berkaitan, Rashidi memberitahu bahawa pada tahun 2023 juga seramai 65 penerima mendapat manfaat daripada Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi Negeri (Bantuan Peralatan) yang disediakan oleh Kerajaan Negeri hari ini, dengan perbelanjaan sebanyak RM165,821.

# Exco perjelas sebab tidak warta Masjid Batu Uban sebagai bangunan warisan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Dibina sekitar 1730-an, kewujudan Masjid Batu Uban menjadi bukti penempatan awam orang Melayu dan Islam di negeri Pulau Pinang.

Namun begitu, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai berkata bahawa sehingga kini Masjid Batu Uban tidak dapat diwartakan sebagai bangunan warisan kerana ia bukan struktur bangunan asal.

"Bangunan Masjid Batu Uban sekarang bukanlah bangunan asal (yang mana) sekitar tahun 1900, bangunan masjid telah dipinda dan struktur asal masjid ini hanyalah empat batang tiang seri sahaja," jelasnya dalam Sesi Penggulungan Bagi Ucapan Perasmian TYT Sempena Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 22 November 2023.

Menurut Hon Wai, Masjid Batu Uban juga telah dimohon untuk disenaraikan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, namun terdapat bantahan daripada pemilik tanah.

> **"Masjid Batu Uban juga telah dimohon untuk disenaraikan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, namun terdapat bantahan daripada pemilik tanah."**
>
> **- WONG Hon Wai**

Ini kerana, menurut beliau, masjid tersebut berada di atas dua bidang tanah milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan juga milik persendirian.

"Atas kepentingan sejarah, Masjid Batu Uban telah disenaraikan dalam senarai tentatif untuk diangkat sebagai Warisan Negeri," ujarnya.

# Memuktamadkan Pelan Tindakan Bandar Mesra Usia



**LIM Siew Khim.**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Perpaduan Pulau Pinang akan memuktamadkan Pelan Tindakan Bandar Mesra Usia pada tahun 2024, berdasarkan lapan teras utama sebagaimana ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) demi mewujudkan persekitaran yang menggalakkan untuk penuaan aktif dan sihat di negeri ini.

Mengulas lanjut, Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai Pulau Pinang menjelang tahun 2040 akan mempunyai warga emas berusia 60 tahun dan ke atas kira-kira 26.2 peratus.

Siew Khim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Negeri (ADUN) Sungai Pinang memberitahu bahawa pelan tindakan sepanjang tempoh 2024 hingga 2025 antara lain akan memberi tumpuan pada mempelbagaikan pilihan perumahan bersesuaian untuk warga emas.

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa pelan induk tersebut turut akan memberi tumpuan kepada usaha memudahkan akses kesihatan serta sokongan kepada warga emas iaitu dalam bentuk sistem sokongan masyarakat dan perkhidmatan kesihatan.

Tambah Siew Khim, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan berusaha mewujudkan bandar mesra warga emas di negeri ini.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MBPP sedang berusaha dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Mesra Usia yang terangkum dari segi perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan.

"MBPP telah diterima menjadi ahli *'Global Network of Age-Friendly Cities and Communities'* oleh WHO pada 28 Julai 2023," ujarnya.




SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN: Ditegah tuan tanah membuat sebarang perniaraan (dealings) di atas tanah yang hendak dimajukan ini melainkan tuan tanah bina dan pelihara simpanan jalan, tanah batu dan tar menurut taraf Jabatan Kerja Raya serta perbuat parit-parit itu dengan sepuas hati Penguasa Tempatan serta mendapat sokongan daripada Jabatan Kerja Raya atau ada jaminan daripada Penguasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya bahawa jalan-jalan dan parit-parit itu dapat disempurnakan.

# Syor Zon Kewangan Khas wajar dikaji, perlu sokongan Pusat

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Perpaduan Pulau Pinang hari ini perlu kajian lebih komprehensif sebelum memutuskan untuk mewujudkan Zon Kewangan Khas di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya menyambut baik syor Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam untuk mewujudkan Zon Kewangan Khas seperti di Forest City, Johor.

"Zon Kewangan Khas dilihat sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan dan merancakkan industri pelaburan, pertumbuhan dan aktiviti ekonomi sesebuah bandar atau kawasan.

"Hal ini kerana kos-kos seperti pengurusan, pendidikan, kesihatan, perniagaan adalah lebih berpatutan di kawasan yang dikategorikan sebagai Zon Kewangan Khas dengan bantuan dan inisiatif daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

"Namun begitu, Kerajaan Negeri memerlukan kajian yang lebih komprehensif sebelum memutuskan untuk mewujudkan Zon Kewangan Khas di Pulau Pinang," jelasnya semasa menyampaikan ucapan penggulungan Exco sempena Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 23 November 2023.

Menurut Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi itu lagi, sokongan Kerajaan Persekutuan seperti pelbagai insentif percukaian adalah sangat penting sekiranya zon tersebut mahu diwujudkan di Pulau Pinang.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya melalui *InvestPenang* melaksanakan *Hand Holding Programme* iaitu program khusus kepada pelabur baharu yang mahu beroperasi di Pulau Pinang dengan diberikan khidmat nasihat, sokongan serta fasilitasi untuk memudahkan penubuhan syarikat perniagaan, mendapatkan lesen-lesen yang berkaitan, membina atau menyewa bangunan kilang yang baharu dan memulakan operasi pengilangan.

"*(Hand Holding Programme)* ini adalah untuk memastikan *ease of doing business*, dengan izin di Pulau Pinang kekal tinggi berbanding dengan negara-negara yang lain seperti Singapura, Vietnam, Thailand, Indonesia dan sebagainya," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan sebagai menjawab perkara yang dibangkitkan ADUN Batu Uban, A. Kumaresan.

# Kerajaan Negeri sedia tempat pengecasan elektrik, selari Visi Penang2030

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Pusat serta pemain industri dalam usaha menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik selaras dengan Visi Penang2030 ke arah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Mengulas lanjut, Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa terdapat beberapa usaha yang telah dilaksanakan dalam menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik.

"Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri termasuk memasang tempat pengecasan motosikal elektrik percuma di kawasan-kawasan milik pihak berkuasa tempatan (PBT) bukan sahaja di bahagia pulau, malahan juga Seberang Perai.

"Selain itu, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) turut membuat kertas cadangan fasa 1 bagi pemasangan stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) di 26 lokasi yang melibatkan tempat letak kenderaan dan premis MBPP," jelasnya pada sesi Soalan Lisan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 27 November 2023.



ZAIRIL Khir Johari.

Tambah Zairil, usaha untuk memudah cara kelulusan pelan pada peringkat Permohonan Kebenaran Merancang turut dilaksanakan.

"Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) turut menyediakan tapak mengecas kereta elektrik di tapak letak kereta kakitangan di Menara Bandaraya, Bandar Perda.

"Justeru, usaha sebegini dapat menggalakkan pemaju bagi penyediaan tambahan stesen caj kenderaan elektrik (EV) di kawasan kemudahan sekitar Seberang Perai," ulasnya lanjut.




# Karikaturis Azmi Hussin

## sasar cipta rekod dunia untuk keluarga



**MOHD. Azmi Mohd. Hussin dan isterinya menunjukkan salah satu karya buku yang dihasilkan.**

**MEMULAKAN** kerjaya sebagai artis karikatur jalanan pada usia 29 tahun sedekad lalu, **MOHD. AZMI MOHD. HUSSIN** atau dikenali sebagai Azmi Hussin kini masih mahu mengorak langkah lebih jauh lagi dan mencabar diri untuk mencipta legasinya tersendiri.

Ketika ditemui, bapa kepada tiga cahaya mata itu memberitahu bahawa beliau mahu mengangkat watak yang dihasilnya iaitu 'Joe G' setanding watak-watak lain yang dikenali ramai.

"Ramai apabila disebut atau tengok Doraemon mereka boleh segera mengenali watak tersebut, tahu bagaimana rupanya.

"Jadi saya berharap nanti apabila orang melihat watak Joe G, ramai yang kenal dan tahu bahawa watak ini wujud," katanya.

Anak kelahiran Bagan itu ditemu bual oleh wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **LAW SUUN TING** di Komtar 27 Oktober lalu.

Beliau yang ditemani isteri, **MARJANAH SHAMMOON RALI** berkata, kini selain melukis karikatur beliau juga terlibat secara aktif dalam menghasilkan mural.

"Sebelum ini, saya ada menghasilkan buku komik iaitu *'Tanjong Life'* (2015) yang memaparkan pengembaraan 'Joe G' melawat tempat-tempat menarik dan mencuba makanan Pulau Mutiara yang terbaik.

"Buku komik kedua adalah *'The Little Mamak'* (2016) yang menceritakan pengalaman saya sendiri ketika zaman kanak-kanak yang membesar di kampung disusuli dengan *'Lost in Bagan'* (2017) yang mengetengahkan perjalanan di kawasan Butterworth atau Bagan.

"Buku komik keempat adalah *'Tanjong Life : The New Norm'* yang diterbitkan pada 2021 merakamkan kisah-kisah semasa pandemik dan bagaimana kita menjalani kehidupan dalam normal baharu.

"Buku komik terakhir adalah *'Tanjong Life : Back to the 90s'* (2022) dan memandangkan kini lebih ramai menggunakan platform digital untuk membaca komik, maka saya hentikan seketika menghasilkan buku komik.

"Saya beralih pula ke buku mewarna, 'Warna Warni George Town' yang dilancarkan pada Festival George Town baru-baru ini," ujar Azmi tentang kisah perjalanan seni beliau sehingga kini.

Buku mewarna 'Warna Warni George Town' memaparkan bangunan-bangunan bersejarah di Tapak Warisan Dunia UNESCO termasuk bangunan dari abad ke-19 seperti Masjid Kapitan Keling, India House, Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang dan Pasar Campbell Street.

Di Pulau Pinang, kata Azmi, banyak bangunan warisan yang masih mengekalkan ciri-ciri seni bina lama.

"Jadi buku mewarna ini bukan sahaja untuk kanak-kanak meneroka kreativiti masing-masing tetapi juga kepada orang dewasa, kerana mewarna merupakan salah satu bentuk *'healing'*," katanya yang bukan sahaja seorang kartunis malah pernah mencipta nama sebagai pelukis kopi.

### Anugerah dan pengiktirafan

